


Jilid III
Bil. 36



Hari Isnin
10hb Disember, 1973

PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4165]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1974 [Ruangan 4196]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1974 [Ruangan 4196]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KETIGA

Hari Isnin, 10hb Disember, 1973

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru Timur).
- Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Pertahanan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Penerangan, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Segamat Utara).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ DATUK HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SBRI (Johor Timur).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- „ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timur).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).

Yang Berhormat TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).

- „ Tuan HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S. (Bandar Sibu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka)
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, S.M.S., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).

- Yang Berhormat TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIDAK HADIR :

- Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, K.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN CHAN YOON ONN, A.M.P. (Ulu Kinta).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ Wan MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., P.J.K. (Dilantik).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Ng Cheng Kuai.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

BENTARA MESYUARAT

Mejar Musa bin Alang Ahmad

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PENCEN KAKITANGAN YANG BERSARA—PERUBAHAN

1. **Tuan Hor Cheok Foon** (*di bawah S.O. 24*)
(2) minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) samada beliau sedar bahawa pencen bagi kakitangan-kakitangan Kerajaan yang telah bersara yang baru-baru ini telah disemak semula adalah tidak mencukupi untuk mengatasi kenaikan sara hidup; dan
- (ii) mengapa Kerajaan tidak memperdulikan penderitaan balu-balu dan anak-anak yatim orang-orang pencen dan samada Kerajaan akan memberi mereka elaun sara hidup yang menasabah dengan segera.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Perubahan-perubahan baru kepada pencen-pencen bagi kakitangan Kerajaan yang telah bersara adalah dibuat atas perakuan Jawatankuasa Khas yang dipengerusikan oleh Tan Sri Syed Zahiruddin bin Syed Hassan. Dalam membuat perakuannya, Jawatankuasa tersebut telah mengambil perhatian terhadap keadaan ekonomi dan kewangan dalam negara kita pada masa ini. Mulai dari 1hb Oktober, 1973, Kerajaan telah memutuskan supaya elaun bantuan khas juga dibayar kepada peserta-peserta yang menerima jumlah pencen dan elaun daripada \$500 ke bawah sebulan. Di samping itu, Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah untuk mengatasi kenaikan harga barang-barang yang perlu seperti yang telah saya terangkan di Dewan ini pada 26hb November, 1973.
- (ii) Adalah tidak benar bahawa Kerajaan tidak memperdulikan penderitaan balu-balu dan anak-anak yatim orang-orang pencen seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Di bawah sekim pencen Suffian, pesara-pesara adalah dijamin mendapat pencen selama 12½

tahun dan sekiranya pesara itu meninggal dunia sebelum genap masa itu, maka balu atau anak-anaknya akan terus menerima pencen itu.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat itu, balu-balu dan anak-anak yatim di bawah Rancangan Pencen Balu dan Anak-anak Yatim yang telah dibuburkan, masih menerima pencen-pencen mereka dan mereka akan juga dibayar elaun bantuan khas yang diumumkan oleh Kerajaan dalam bulan Oktober, 1973.

Tuan Hor Cheok Foon: Soalan tambahan. Saya bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa bolehkah Kerajaan mengkaji lagi membayar elaun sara hidup ini mengikut kenaikan harga-harga barang pada masa ini dan bukan memberi elaun hanya sebagai satu tanda sahaja. Ini tidak bermakna dan tidak akan menyelesaikan apa-apa masalah pun.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah diambil perhatian oleh Kerajaan seperti saya telah umumkan iaitu Kerajaan telah bersetuju hendak mengadakan elaun bantuan khas kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan yang bergaji rendah dan juga pesara-pesara yang mempunyai pencen ke bawah daripada \$500. Kerajaan fikir ini adalah berpatutan dan selain daripada itu langkah-langkah yang tegas sedang diambil untuk mencegah kenaikan harga barang-barang.

AHLI-AHLI PARLIMEN DAERAH KUALA LUMPUR DALAM MAJLIS BANDARAYA PERSEKUTUAN

2. **Tuan Hor Cheok Foon** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau akan memasukkan Ahli-ahli Parlimen dari kawasan-kawasan pilihanraya di Daerah Kuala Lumpur dalam majlis bandaraya Wilayah Persekutuan yang baharu ditubuh, jika tidak, mengapa.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang hendak memasukkan Ahli-ahli Parlimen dari kawasan-kawasan pilihanraya di Daerah Kuala Lumpur dalam majlis bandaraya Wilayah Persekutuan yang akan ditubuhkan. Wilayah Persekutuan ini sebagai Ibu Kota Negara Malaysia adalah ditadbirkan oleh Kerajaan Pusat dan ditadbirkan terus oleh Parlimen secara

keseluruhannya melalui Kementerian-kementerian Kerajaan Pusat. Semua Ahli-ahli Dewan Rakyat mahupun Dewan Negara boleh mengawasi kemajuan dan perkembangan Wilayah Persekutuan menurut kehendak-kehendak Negara kita. Oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa tidak perlu untuk memasukkan Ahli-ahli Parlimen dari kawasan-kawasan pilihanraya di Daerah Kuala Lumpur dalam majlis bandaraya Wilayah Persekutuan.

Tuan Hor Cheok Foon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jadi Kerajaan tidak akan membenarkan Ahli-ahli Parlimen yang dipilih di Kuala Lumpur masuk dalam majlis Bandaraya Wilayah Persekutuan yang baharu. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar iaitu penduduk-penduduk di Bandaraya Kuala Lumpur mahu Majlis Bandaraya dan Datuk Bandar mereka yang dipilih oleh rakyat?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya penduduk-penduduk Kuala Lumpur sangat puas hati cara pentadbiran yang ada sekarang.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjelaskan bagaimanakah beliau sedar penduduk-penduduk di Kuala Lumpur puashati terhadap Datuk Bandar? Adakah Kerajaan Pusat mengambil opinion poll antara penduduk-penduduk di Kuala Lumpur?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sebagai Perdana Menteri, saya ada mempunyai cara-cara untuk mengetahui hal ini.

Dr Chen Man Hin: Soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, adakah beliau tahu satu prinsip "no taxation without representation", kalau prinsip ini diterima. Apa sebab tidak ada pilihanraya di Wilayah Persekutuan?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, taxation adalah dibuat oleh Parlimen dan bukan Majlis Bandaraya. Jadi di Parlimen inilah patut ada representation.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, di Wilayah Persekutuan ini ada beribu-ribu atau hampir satu juta orang, saya ingat dua atau lima orang Ahli Parlimen tidak cukup untuk memberitahu kesusahan di dalam Bandaraya itu.

Tuan Yang di-Pertua: Itu fikiran Ahli Yang Berhormat. Apa soalan tambahannya?

Dr Chen Man Hin: Oleh sebab itu, bolehkah Kerajaan mengkaji bagi mengadakan satu pilihanraya di Wilayah Persekutuan?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah terangkan bahawa Kerajaan tidak menerima cadangan ini.

GAJI PEKERJA SEKTOR AWAM

3. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa dengan menaikkan gaji pekerja-pekerja di kalangan sektor awam akan bermakna lebih banyak cukai yang akan dikenakan kepada rakyat, dan kaum tani serta nelayan masih belum bersedia membayar sara hidup yang makin bertambah-tambah di Negeri ini. Adakah tindakan berkesan yang akan diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, menaikkan gaji pekerja-pekerja di dalam sektor awam adalah bererti penambahan perbelanjaan biasa yang mana mesti dibiayai daripada hasil negara. Ini tidak semestinya membawa kepada kenaikan cukai.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan. Baharu-baharu ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada memberi satu perintah di negeri Johor untuk membuat satu siasatan di Negeri Johor di atas majikan-majikan yang membayar gaji kurang daripada \$2. Adakah apa-apa rancangan oleh Kementerian beliau untuk beri satu perintah bagi membuat satu penyiasatan atas perkara ini di seluruh negeri bukan sahaja di negeri Johor.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sentiasa diawasi oleh pihak Kementerian Buruh. Saya tidak mengatakan buat siasatan, sebaliknya saya telah mengarahkan supaya Jabatan Buruh mengetahui kedudukan ini, kalau mana-mana kilang tidak memberi gaji yang sepatutnya, patutlah dinasihatkan supaya memberi gaji yang sepatutnya.

Tuan Lim Kit Siang: Soal tambahan. Oleh kerana ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Johor Bharu baharu-baharu ini, adakah Kerajaan menganggap bahawa bayaran gaji di bawah dua ringgit

sehari kepada pekerja-pekerja oleh kilang-kilang sebagai satu bayaran yang tidak berpatutan? Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, untuk mencapai matlamat satu masyarakat yang adil, memberi peluang kepada pekerja-pekerja yang mendapat gaji begitu rendah boleh buat komplek kepada Kerajaan supaya tindakan adil dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain, tidak payah dijawab.

HARI BANGSA-BANGSA BERSATU

4. Tuan Ng Hoe Hun (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan bercadang mengisytiharkan 24hb Oktober, sebagai hari kelepasan am oleh kerana hari itu "Hari Bangsa-bangsa Bersatu".

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bercadang mengisytiharkan 24hb Oktober, Hari Bangsa-bangsa Bersatu sebagai hari kelepasan am. Seperti Yang Berhormat telah sedia maklum, Negara kita telahpun mempunyai banyak hari-hari kelepasan am.

Kerajaan juga berpendapat bahawa Hari Bangsa-bangsa Bersatu itu boleh dirayakan bukan dengan mengadakan hari kelepasan sahaja, bahkan boleh dalam bentuk-bentuk lain, seperti mengadakan aktiviti-aktiviti supaya rakyat Malaysia sedar adanya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan aktiviti-aktiviti lain yang akan membantu Bangsa-bangsa Bersatu dalam tugasnya untuk mempertahankan keamanan dunia dan menolong negara-negara yang belum maju.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Soalan saya ada berkenaan dengan Hari Bangsa-bangsa Bersatu dan saya hendak beri tahu kepada Kerajaan di dalam Dewan ini bahawa hari ini ialah 25th Anniversary of Universal Declaration of Human Rights, United Nations, dan saya ada satu taligram yang dihantar oleh Maimon binti Hassan, C-578, Jalan Tenaga, Bukit Ubi, Kuantan. Beliau hendak tahu dari pengakuan Perdana Menteri sebab hari ini ialah 25th Anniversary Declaration of Human Rights, samada Kerajaan kita hendak melepaskan suami beliau atau tidak. Suami beliau ialah Zulkifli bin Ismail, seorang Ahli Dewan Undangan Negeri Pahang yang sekarang ditahan. Bolehkan Perdana Menteri beritahu?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ini tidak ada kena-mengena dengan soalan ini.

PERSIDANGAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI DI ALGIERS

5. Tuan Loh Jee Mee minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) memandangkan bahawa Malaysia telah menghadiri Persidangan Negara-negara Berkecuali bersama-sama rejim-rejim Sihanouk dan Vietkong di Algiers baru-baru ini, samada Kerajaan telah mengiktirafkan kedua-dua rejim ini sebagai kerajaan-kerajaan yang sah bagi Kemboja dan Vietnam Selatan masing-masingnya;
- (ii) samada kerajaan telah sedar bahawa tindakan jalan keluar dari Persidangan Negara-negara Berkecuali oleh Malaysia pada tahun lepas adalah sebagai satu langkah yang tidak baik dan tidak digemari; dan
- (iii) samada bantahan Kerajaan terhadap rejim Sihanouk menjadi ahli dalam Bangsa-bangsa Bersatu adalah bertentangan secara langsung dengan pendirian kerajaan Malaysia dalam Persidangan Negara-negara Berkecuali di Algiers.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Penyertaan Malaysia dipersidangkan Negara-negara Berkecuali di Algiers baru-baru ini, yang telah membenarkan penyertaan wakil-wakil dari P.R.G. (Vietcong) dan juga wakil-wakil Kerajaan buangan Putera Sihanouk, tidaklah bermakna kita mengiktirafkan rejim-rejim itu. Sebagaimana yang diketahui umum, Malaysia bersama-sama Indonesia dan Singapura telah sama-sama menyatakan sikap per-sendirian (reservation) mengenai penyertaan wakil rejim-rejim itu. Pada masa ini Malaysia mempunyai perhubungan diplomatik dengan Kerajaan-kerajaan di Pnom Penh dan juga di Saigon.

Walaupun demikian, saya suka menyatakan prinsip pendirian kita dalam soal ini. Berkenaan Kemboja, pendirian kita selama ini ialah bahawa rakyat Kemboja hendaklah dibenarkan untuk menentukan masa depan mereka sendiri dengan tidak ada campurtangan daripada kuasa luar. Soal Kerajaan mana yang sah dan berhak bagi

Kemboja ialah hal persendirian rakyat Kemboja untuk menentukan sendiri dan Malaysia akan mengiktiraf mana-mana Kerajaan yang dipilih sendiri secara bebas, oleh rakyat Kemboja. Pendirian ini adalah sama berkenaan dengan Vietnam Selatan. Malaysia akan menghormati serta mengiktiraf mana-mana Kerajaan yang akhirnya akan muncul di Vietnam Selatan setelah penyelesaian politik telah tercapai berasaskan Perjanjian Paris.

- (ii) Delegasi Malaysia keluar daripada Persidangan Negara-negara Berkecuali di Guyana untuk menegaskan bingkisan kita kerana penyelewengan (breach) terhadap prinsip "consensus", satu prinsip yang sangat penting dalam pergerakan berkecuali, dan kita telah mengambil langkah-langkah untuk mengesahkan perkara ini lagi. Ini telah dibuat di dalam mesyuarat Jawatankuasa Persiapan di Kabul dalam bulan Mei, tahun ini, iaitu cadangan bersama oleh Malaysia dan Indonesia berkaitan prinsip itu telah diterima oleh Jawatankuasa itu. Keputusan Jawatankuasa itu pula telah diterima oleh Menteri-menteri Luar Negara-negara Berkecuali di Algiers sebelum Persidangan kemuncak diadakan.
- (iii) Pendirian Malaysia di dalam Badan Bangsa-bangsa Bersatu berkaitan dengan penyertaan wakil-wakil rejim Putera Sihanouk adalah sama seperti pendirian kita di Algiers.

Tuan Loh Jee Mee: Soalan tambahan. Bukankah tindakan keluar daripada persidangan (walk out) itu bertentangan dengan Dasar Berkecuali yang dibuat oleh Kerajaan?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi kita walk out itu bukan dengan sebab tidak bersetuju, tetapi ialah sebab kita memikirkan iaitu mesyuarat di George Town itu tidak menurut prinsip consensus iaitu prinsip yang penting sekali bagi Negara-negara Berkecuali. Dengan sebab prinsip ini kita telah walk out bukan oleh sebab kemasukan Vietcong atau negara-negara lain.

Tuan Loh Jee Mee: Adakah tindakan Wakil Tetap Malaysia di Bangsa-bangsa Bersatu untuk menentang rejim Sihanouk

dalam Bangsa-bangsa Bersatu mendapat persetujuan daripada Kerajaan. Jika ya, bukankah ini akan merosakkan perhubungan diplomatik di antara Republik Rakyat Cina dengan Malaysia?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, pendirian Wakil Tetap kita di Bangsa-bangsa Bersatu adalah sesuai dengan dasar yang saya sebutkan tadi supaya menjalankan tugas yang diberi oleh Kerajaan kepadanya.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu bahawa Kerajaan Malaysia akan mengiktiraf Kerajaan yang dipilih dengan cara bebas oleh rakyat Kemboja. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjelaskan apa erti dalam perkataan "dipilih dengan cara bebas". Adakah dalam pandangan Kerajaan Malaysia bahawa Lon Nol sudah dipilih dengan cara bebas menjadi Ketua Kerajaan Pnom Penh dan adakah dalam pandangan Kerajaan Malaysia bahawa langkah menggulingkan Putera Norodom Sihanouk adalah satu tindakan yang diambil dengan cara bebas oleh rakyat Kemboja?

Perdana Menteri: Soal menubuhkan Kerajaan dalam satu negeri itu adalah soal dalam satu-satu negeri dan saya fikir kita sebagai negara yang kecil tidak usah campurtangan hal ini. Itu terpulanglah kepada rakyat Kemboja mana satu Kerajaan yang mereka kehendaki. Jadi soal samada dengan cara bebas atau tidak itu soal mereka sendiri. Banyak Kerajaan-kerajaan yang ditubuhkan di dunia ini bukan dengan cara bebas, tetapi cara military-coup d'etat, tetapi kita sebagai sebuah negara yang patuh dengan dasar kerjasama antarabangsa, kita adalah mengiktiraf negara-negara itu.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar kedudukan Kerajaan Lon Nol adalah goncang dan barangkali Kerajaan itu boleh dijatuhkan oleh rakyat Cambodia pada masa yang akan datang. Kalau sekiranya itu berlaku dan rakyat di Kemboja menerima Sihanouk bolehkah Kerajaan ini mengadakan perhubungan diplomatik dengan Kerajaan Sihanouk yang akan datang ke Kemboja.

Perdana Menteri: Itu satu soal hypothetical. Saya sudah menyatakan tadi iaitu mana-mana satu Kerajaan yang ditentukan oleh rakyat Kemboja kita akan terima.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Oleh kerana Kerajaan Lon Nol suatu Kerajaan yang diwujudkan selepas pengulingan Kerajaan Norodom Sihanouk, bukankah lebih elok untuk pendirian Malaysia mengikut Dasar Berkecuali di Bangsa-bangsa Bersatu iaitu kita mengambil sikap abstention atas perkara ini, dan bukan satu sikap atau pendirian yang tegas untuk menentang Putera Norodom Sihanouk.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ini satu sikap yang tidak jujur kalau buat begitu, sebab kita ada diplomatic relations dengan Kerajaan Lon Nol pada masa ini. Pada masa Putera Sihanouk mengetuai Kerajaan, kitapun ada perhubungan dengan Kerajaan Putera Sihanouk. Pada masa kita ada perhubungan dengan Kerajaan Lon Nol itu, kita mestilah mengiktiraf Kerajaan itu. Kalau Kerajaan lain timbul di Kemboja, kita akan timbangkan perkara ini.

LESEN QOTA BERAS

6. Pengarah Rahun anak Debak minta Perdana Menteri menyatakan syarat-syarat untuk membolehkan seseorang mendapatkan lesen qota beras di Serawak.

Timbalan Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Tuan Yang di-Pertua, lesen qota beras tidak ada dikeluarkan. Mungkin apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah qota mengimpot beras. Qota ini dipertimbangkan kepada pengimpot-pengimpot yang berdaftar dengan Lembaga Padi dan Beras Negara (L.P.N.) dan yang mempunyai pendaftaran perniagaan dan lesen beras borong dari L.P.N.

BERAS—KEDUDUKAN DALAM NEGARA

7. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) keadaan dan perkembangan dalam masaalah beras memandangkan bahawa dalam saat-saat akhir ini banyak negara-negara asing telah menawarkan beras kepada L.P.N.;
- (b) samada terdapat negara-negara asing yang membuat tawaran seumpama itu selain daripada, Argentina, Venezuela, Thailand, Peru dan Belanda; dan

- (c) selain daripada Thailand, samada negara-negara yang membuat tawaran itu merupakan negara jelapang padi juga.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kedudukan beras dalam negara kita pada masa ini adalah memuaskan. Semua tawaran-tawaran beras asing kepada kerajaan sedang ditimbangkan.
- (b) Tawaran telah diterima juga daripada pengeksport-pengeksport daripada Australia, Korea Utara dan Brazil.
- (c) Selain daripada Negeri Thai, negara-negara yang lain bukanlah negara jelapang padi yang utama.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa wakil-wakil L.P.N. yang hendak membeli beras di negara-negara yang tertentu itu kurang diberi sambutan oleh pedagang-pedagang dalam negeri itu dan mereka lebih suka mengutamakan pedagang-pedagang bebas yang ada dalam negeri ini.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Perkara ini berkenaan dengan dasar Kerajaan iaitu oleh kerana kedudukan dan bekalan beras di dalam dunia belum stabil lagi, maka Kerajaan memutuskan sebagai polisi iaitu semua pengeksport-pengeksport atau impot beras daripada luar negeri akan dijalankan oleh Kerajaan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberitahu Dewan ini bahawa Kerajaan akan menimbangkan tawaran beras daripada negeri lain. Sungguhpun ada beberapa jaminan telah diberi di Dewan ini bahawa negara kita tidak ada krisis beras, baik daripada segi bekalan, tetapi setiap hari kita boleh baca dalam akhbar, di kampung-kampung dan tempat-tempat di bandar-bandar di mana penduduknya tidak boleh mendapat bekalan beras seperti baru-baru ini di Taiping. Penduduk-penduduk di Taiping tidak boleh dapat beras dengan harga yang berpatutan. Oleh itu, bolehkah Kerajaan menimbangkan tidak lagi beralih dan menerima tawaran beras yang kita boleh dapati daripada negeri luar, sebab walaupun ada jaminan beras cukup di negara ini, rakyat jelata tidak boleh mendapat bekalan beras dengan cukup?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya telah terangkan dari semasa ke semasa iaitu masalah bekalan beras tidak ada kekurangan. Walaupun demikian memang ada dalam anggaran kita. Kita mesti mengimpot beras. Tawaran-tawaran daripada negara-negara yang saya sebutkan itu akan ditimbang, tetapi jika kita boleh dapat impot beras daripada negara-negara yang dekat, tidak dari negara-negara yang jauh seperti Brazil dan Korea Utara, kita akan menimbang tawaran-tawaran daripada negara-negara yang dekat, supaya pertama sekali harga beras itu berpatutan, pengangkutan, mudah dan sebagainya. Sebagaimana yang saya terangkan, masalah bekalan beras itu adalah tanggungjawab Kerajaan menentukannya iaitu beras dalam negeri ini tidak ada kekurangan.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Rakyat di kawasan saya selalu bertanya saya berkenaan dengan masalah beras, mereka bertanya apakah sebabnya negeri-negeri di seluruh dunia ada mencukupi beras untuk dijual, dan di Malaysia tidak cukup beras, itu nombor satu. Yang kedua, bolehkah Malaysia membeli beras dari lain negeri? Adakah malu atau tidak? Saya pun tidak mengerti, bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberi jawapan? Soalan saya samada malu atau tidak, sebab kita beli beras dari luar negeri, ini bukan saya yang bertanya, tetapi rakyat di kawasan yang suruh saya bertanya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri? (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Kalau begitu, saya pun boleh menjawabnya, tidak payah Menteri menjawabnya—tak malu. (*Ketawa*).

Tuan Ng Hoe Hun: Terima kasih.

LESEN JUAL BERAS

8. Tuan Ng Hoe Hun (*di bwah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan pemohon untuk lesen menjual beras dari 1hb Januari, 1973 hingga 30hb September, 1973;
- (b) bilangan lesen yang dibaharui dalam tempoh tersebut; dan
- (c) bilangan lesen baru yang dikeluarkan dalam tempoh tersebut.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, jawapan

- (a) Dari 1hb Januari, 1973 hingga 30hb September, 1973 terdapat 12,871 pemohon untuk lesen runcit dan 1,116 pemohon untuk lesen borong;
- (b) Sejumlah 803 lesen borong dan 5,772 lesen runcit telah dibaharui;
- (c) Sejumlah 80 lesen beras borong baru dan 352 lesen beras runcit baru telah dikeluarkan.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Adakah Kementerian yang berkenaan akan memikirkan satu cadangan membuat suatu peraturan bahawa di masa hadapan lesen-lesen jenis pemborong membeli beras itu hendaklah diberikan kepada syarikat kerjasama atau ejensi-ejensi Kerajaan sahaja dan hendaklah dikurangkan memberi lesen pemborong ini kepada persaorangan?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, itu memang ada dalam pandangan dan timbangan L.P.N.

PERSIDANGAN KUMPULAN WANG ANTARABANGSA

9. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (i) samada beliau berpuas hati dengan pendirian yang diambil terhadap Malaysia dan lain-lain negara yang sedang membangun, oleh negara-negara yang sudah maju semasa Persidangan Kumpulan Wang Antarabangsa yang telah berlangsung di Nairobi dalam bulan September, 1973, dan sebab beliau berpuas hati; dan
- (ii) samada apa-apa keputusan konkrit telah dicapai dalam persidangan itu dan samada apa-apa keputusan berfaedah kepada Malaysia.

Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, saya akan menghantar kepada Yang Berhormat salinan semua kenyataan-kenyataan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa ke 20. Yang Berhormat akan mendapati daripada kenyataan-kenyataan tersebut bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan telah memberi amaran kepada Jawatankuasa dalam bulan Mac

tahun ini iaitu dalam mesyuarat kerjanya yang pertama bahawa sekiranya negara-negara perindustrian yang besar tidak menunjukkan kesediaan politik untuk mencapai persetujuan, maka kemajuan harus tidak akan tercapai. Apa yang dimuskilkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ini benar-benar ternampak di dalam Mesyuarat Jawatankuasa di Nairobi dalam bulan September. Adalah jelas walaupun kepada seorang luar, bahawa negara-negara perindustrian yang besar tidak dapat mencapai persetujuan di antara mereka untuk menyelesaikan masalah yang melibatkan mereka secara terus dan dengan yang demikian, adalah sukar untuk kita mengharapkan bahawa mereka itu dapat mempersetujui cara-cara penyelesaian yang melibatkan dunia yang sedang membangun. Mesyuarat Jawatankuasa ke 20 yang akan datang ini akan diadakan di Rome pada 17hb dan 18hb Januari, 1974 dan tekaan Ahli Yang Berhormat adalah sama seperti tekaan Yang Berhormat Menteri Kewangan tentang setakat manakah kemajuan yang akan dapat dicapai kelak.

INFLASI DI MALAYSIA

10. Tuan Edmund Langu anak Saga minta Menteri Kewangan menyatakan apakah yang Kerajaan buat untuk menyekat kegiatan-kegiatan pengimpot-pengimpot yang mana beliau telah menuduh menyumbang kepada inflasi di Malaysia dengan membuat untung yang besar sebanyak dan lebih daripada 100% yang mana beliau telah nyatakan di Seremban pada 8hb Ogos di Jamuan Makan Malam M.C.A. di sana.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun memberi jawapan kepada soalan yang sama yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka minggu lalu dan saya tidak ada apa-apa untuk menambah kepada jawapan tersebut.

DADAH—TINDAKAN BIRO NARKOTIK

11. Dr S. Seevaratnam minta Peguam Negara menyatakan, memandang kepada bertambah giatnya perdagangan dadah:

- (i) apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mendidik dan menerangkan kepada kanak-kanak, ibubapa dan guru-guru mengenai masalah dadah dan nyatakan bilangan kelas, mesyuarat dan seminar yang telah dijalankan oleh Kerajaan dalam hal ini;

- (ii) apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengawal impot dan penanaman pokok-pokok ganja di negara kita dan nyatakan bilangan tangkapan yang telah dibuat dan bilangan yang bersabit dengan kesalahan dan hukuman-hukuman yang telah dijatuhkan;
- (iii) nyatakan bilangan serbuan yang telah dijalankan ke atas ahli-ahli farmasi yang berkelayakan, doktor-doktor, dan banyak lagi kedai-kedai ubat yang tidak berkelayakan, penjual-penjual dadah, penjaja-penjaja ubat (medicine pedlars), bomoh-bomoh, sinseh-sinseh dan tabib-tabib bumiputra dan berapa serbuan berjaya; dan
- (iv) nyatakan bilangan-bilangan kelab-kelab malam yang ada di negara kita dan adakah bila-bila masa terdapat pelanggan-pelanggan yang didapati "high".

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Pusat Biro Narkotik telah mengadakan majlis ceramah, seminar, forum dan pameran untuk murid-murid sekolah, ibubapa, belia-belia, kakitangan Kerajaan termasuk juga anggota-anggota polis dan tentera.

Sehingga bulan November, 1973 bilangan ceramah, forum dan pameran yang telah diadakan seperti berikut—

(a) Forum Symposium ...	5
(b) Ceramah dan Syarahan ...	80
(c) Tayangan Filem ...	9
(d) Pameran ...	14

Dalam hal ini, pertubuhan sukarela tidak juga ketinggalan mengadakan symposium, forum dan bengkel untuk guru-guru, murid-murid dan ibubapa.

Bagi menyelaraskan kerja-kerja penerangan dan pencegahan, satu Jawatankuasa Penasihat telah ditubuhkan dalam bulan September, tahun ini. Jawatankuasa ini terdiri dari wakil-wakil Kementerian, Jabatan Kerajaan dan badan-badan sukarela.

- (ii) Ganja tidak diimpot, tetapi diseludup dari luar negeri. Polis, Kastam dan pegawai Biro Narkotik sentiasa mengawasi pergerakan penyeludupan ini dan beberapa tangkapan telahpun dibuat.

Kerajaan juga mengambil langkah yang tegas terhadap menghapuskan tanaman pokok-pokok ganja di mana sahaja dijumpai. Bulan Januari hingga September, 1973, 48,271 pokok ganja telah dijumpai dan dimusnahkan. Empat orang telah ditangkap kerana menanam pokok ganja dan telah dihadapkan di Mahkamah. Keputusannya, seorang telah dipenjarakan selama satu tahun dan seorang diberi jamin berkelakuan baik selama dua tahun. Keputusan Mahkamah berkenaan dengan dua orang lagi itu belum diketahui lagi.

- (iii) Jumlah serbuan yang telah dijalankan ke atas kedai-kedai ubat yang tidak berkelayakan ialah 50. Pihak polis sedang menjalankan penyiasatan ke atas 32 kes-kes tersebut.

Tidak ada lawatan pemeriksaan yang telah dijalankan ke atas doktor-doktor. 125 lawatan pemeriksaan telah dijalankan ke atas ahli-ahli farmasi yang berkelayakan. Dari jumlah ini tidak ada kes yang dalam penyiasatan polis.

Empat serbuan telah dijalankan ke atas penjual-penjual dadah, penjaja-penjaja ubat, bomoh-bomoh, sinseh-sinseh dan tabib-tabib. Dua daripada kes ini sedang dalam penyiasatan polis.

- (iv) Dalam negeri ini ada 62 buah kelab malam dan belum ada laporan yang menyatakan pelanggan-pelanggan kelab itu yang didapati "high" atau "tinggi".

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Adakah sudah dapat dikesan kebenarannya ada tuduhan mengatakan bahawa jenis dadah ini ada dicampurgaulkan dengan gulai atau nasi lemak oleh setengah-setengah peniaga-peniaga dalam negeri kita dengan tujuan supaya barang-barang yang disajikan itu laris kepada pelanggan-pelanggannya.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Yang saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, saya ada dengar dan terbaca dalam akhbar, dimasukkan ganja sedikit sahaja bukannya dadah dalam gulai untuk menyedapkan selera katanya. Tetapi belum tahu lagi—belum ada saya buat tangkapan ataupun bukti dalam perkara ini. Kalau Ahli Yang Berhormat ada makan atau merasa bolehlah beritahu kepada saya.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Dengan dicampur sedikit ganja tadi, adakah ini menjadikan satu kesalahan pada segi undang-undang kepada peniaga itu?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Soal meniaga barang yang salah seperti ganja dan lain-lain tentulah ada kesalahannya.

Dr Chen Man Hin: Adakah Menteri yang berkenaan tahu di Bukit Mertajam ada sebuah factory didirikan untuk menapis opium kepada heroin. Dan adakah pihak polis di sana telah menangkap factory itu, adakah factory itu dijalankan oleh orang-orang tempatan atau orang-orang dari luar negeri?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Perkara ini masih lagi subjudice kerana belum dibicarakan—dalam penyiasatan, saya tidak boleh terangkan.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Soalan tambahan. Pokok ganja ini bolehkah hidup kalau kita bubuh dalam pasu dan letakkan dalam rumah?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Boleh ditanam dalam pasu, boleh hidup.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh ditanam dalam pasu.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau boleh hidup, bagaimanakah caranya Kerajaan menjaga dan menghapuskan pokok-pokok ganja ditanam di negeri kita ini kalau ditanam dalam rumah atau disimpan di tempat-tempat yang elok.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, dia bertanya boleh ditanam. Jawab saya; boleh ditanam, tetapi menanam itu salah; menyimpan itu salah. Kalau ada mereka yang menanam tentu dapat ditangkap. Macam mana hendak menjaganya, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat telah tengok seperti yang ditayangkan dalam TV, akhbar bagaimana cara-cara pokok itu ditanam. Orang awam hendaklah memberi kerjasama memberitahu bahawa di Daerahnya ada ditanam pokok-pokok ganja, atau berupa pokok ganja, kita akan periksa dan jika didapati betul, kita akan membuat tangkapan. Itu caranya, tak ada jalan lain.

Dr Chen Man Hin: Tadi kita telah dengar night-club di bandar-bandar Malaysia, Kerajaan tidak tahu ada orang yang hisap

ganja dan lain-lain. Kerajaan juga ada tubuhkan satu Central Narcotics Bureau. Saya ingin tahu adakah Kerajaan siasat apa yang dilakukan di dalam night club di negara kita? Sebab mengikut penerangan saya ramai pemuda-pemuda yang bekerja di sini ada hisab ganja atau heroin di night club itu.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Ahli dari Batu pun ada menyoal soalan ini. Apakala Biro Narkotik ditubuhkan, saya telah mengeluarkan arahan untuk bercakap di Dewan ini dan pegawai-pegawai saya dan agen-agen saya sememang ada dalam night club ini menyiasat atas perkara itu dan belum ada laporan atau tangkapan, menyatakan di night club di Kuala Lumpur dan di Tanah Melayu ini yang menjual atau makan ganja atau madat dalam night club. Kalau ada tentulah perkara ini telah didapati, dan ia sentiasa diawasi daripada awal lagi hingga sekarang ini—tak payah diingatkan lagi.

EKONOMI BUMIPUTRA—MENAIKKAN TARAF

12. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah minta Menteri Pembangunan Ekonomi Desa menyatakan rancangan-rancangan berkesan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menolong kaum Bumiputra di Daerah-daerah pedalaman di Sabah menaikkan taraf ekonomi mereka setanding dengan kemajuan kaum Bumiputra di Semenanjung Malaysia.

Menteri Pembangunan Ekonomi Desa (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di-Pertua, semua Kementerian dan Badan-badan Berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan adalah menjalankan tugas masing-masing dalam satu tujuan untuk membaiki penghidupan rakyat baik di bandar atau di luar bandar termasuklah rakyat bumiputra di Sabah seperti yang disoalkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Bagi pihak Kementerian Pembangunan Ekonomi Desa menerusi Koperatif Kementerian ini telah menubuhkan 6 buah koperatif membuat batu-bata dengan modal \$548,000. Komplek-komplek Perikanan dan Kilang Air Batu berharga \$2 juta. Selain daripada itu 6 buah Syarikat Kerjasama Membalak telah ditubuhkan dengan bilangan ahli seramai 17,187 orang. 3 buah Syarikat Nelayan telah ditubuhkan di Kudat, Kota Belud dan Labuan dengan mendapat bantuan Kerajaan

sebanyak \$3.65 juta. MARA pula menerusi Bahagian Pinjamannya telah memberikan pinjaman kepada Bumiputra Sabah sebanyak \$4.9 juta daripada tahun 1966-1973. Rancangan Latihan Kemahiran MARA sehingga tahun 1973 telah memberi latihan kepada 96 orang. Di bawah Latihan Sambil Bekerja MARA telah melatih seramai 25 orang bumiputra di Sabah. Bahagian Pinjaman Pelajaran MARA telah memberi pinjaman pelajaran kepada 6 orang. Di bawah Rancangan Bangunan Perniagaan pada tahun hadapan satu bangunan Perniagaan setinggi 5 tingkat akan didirikan di Sandakan dengan anggaran \$1.0 juta. Sebuah bangunan pejabat dan Hotel setinggi 5 tingkat berharga \$1.4 juta akan didirikan di Tawau, Sabah.

Tuan Valentine Cotter: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa Sarawak dan Sabah berkehendakkan lebih pertolongan dari Kerajaan Pusat untuk meninggikan taraf ekonomi mereka khasnya kaum bumiputra di daerah-daerah pedalaman di sana?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Rancangan Lima Tahun Kedua yang sedang dijalankan oleh Kerajaan meliputi pembangunan kemajuan ekonomi seluruh rakyat seperti yang saya sebutkan dan sudah pasti rancangan itu termasuk usaha memajukan penduduk-penduduk luar bandar di Sabah dan akan dijalankan terus. Dan jika didapati ada rancangan-rancangan baharu yang boleh dijalankan Kerajaan tidak ragu-ragu akan menjalankannya lagi.

Tuan Valentine Cotter: Tuan Yang di-Pertua, adakah apa-apa rancangan Kementerian Pembangunan Ekonomi Desa untuk menolong kaum bumiputra di daerah-daerah pedalaman di Sarawak dalam tahun 1974 dan 1975?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini ditujukan kepada bumiputra di Sabah bukan di Sarawak tetapi lebih kurang kemajuan serupa itu juga ada dijalankan di Sarawak.

KERETAPI—ELAKKAN KEGELINCIRAN

13. Tuan Chan Fu King minta Menteri Perhubungan menyatakan:

(a) apakah langkah-langkah konkrit yang telah diambil untuk mengelak kejadian kegelinciran keretapi; dan

(b) bilangan kejadian-kejadian kegelinciran yang berlaku dan kerugian yang dialami sejak 1hb Januari, 1973.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, jawapan-jawapan atas soalan Yang Berhormat (a) dan (b) itu saya rujukkan balik kepada jawapan-jawapan yang telah saya beri kepada soalan-soalan yang bersamaan kepada Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat Dalam yang telah saya beri pada 28-11-73 dan ianya telahpun disiarkan dalam surat khabar.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Oleh sebab derailment ini sentiasa berlaku dua tiga tahun yang lalu, bolehkah Menteri yang berkenaan menjelaskan bahawa pekerja-pekerja yang menjaga railway line itu boleh dilatih supaya mereka boleh menjaga dan membaiki railway line itu?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya sudah beri penjelasan dan saya suka lagi menegaskan bahawa 104 batu rel telah ditempah, belum sampai lagi. Rancangan membaiki, menguatkan dan membetulkan jalan rel keretapi di selekoh-selekoh itu sedang juga dibuat, tidak boleh lebih lagi daripada itu yang kita hendak buat saya belum ada tongkat hikmat—terus sahaja di luskan landasan keretapi itu menggunakan tongkat itu.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Ianya sudah terang, tetapi hendak bertanya, iaitu adakah kerana wagon-wagon rel yang sudah buruk dan lama itu menyebabkan kejatuhan-kejatuhan atau tergelincir keretapi ini?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Soalan Ahli Yang Berhormat ini saya rojokkan juga bahawa wagon sebanyak 600 buah telahpun ditempah dan 100 buah lebih akan sampai pada akhir tahun ini, dan yang kemudiannya akan sampai dalam bulan Mach dan 140 lagi sedang juga ditempah dan dibina di India. Yang 600 buah itu ditempah dari Korea Selatan. Inilah tujuan hendak menggantikan wagon yang sudah lapuk itu. Sepatutnya 10 tahun dahulu kita sudah gantikan, tetapi malangnya apabila kita mohon peruntukan wang telah ditangguhkan dari satu masa ke satu masa sampai lah akhir-akhir ini.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, adakah benar, sebab-sebab kejadian berlakunya kegelinciran keretapi

ini, oleh sebab Jabatan ini menggunakan kakitangan yang kurang mahir maka dengan sebab itu selalu berlaku tergelincirnya keretapi. Apakah langkah Kementerian ini hendak mendapatkan kakitangan yang mahir supaya kejadian ini tidak berlaku?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya sudah jawab tadi. Kita telah mengadakan sebuah Training Centre yang mana sekarang ini derebar, technical assistant dan technician telah diberi kursus istimewa dari masa ke semasa. Tetapi kita kekurangan juga kakitangan dan sedang mendapatkan kakitangan yang baharu yang akan dilatih supaya mereka lebih berpengalaman lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini ada ditimbulkan banyak kali dalam Dewan ini dalam beberapa tahun ini dan kita ada dengar jaminan bahawa langkah yang akan diambil untuk mengatasi incident kegelinciran ini, tetapi nampaknya selalu incident kegelinciran tidak menurun, malahan bertambah. Barangkali di dunia ini, kadar kegelinciran keretapi di Malaysia tersangat tinggi. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini satu tarikh (date line) di mana keadaan ini boleh berubah dan satu keadaan memuas hati boleh dicapai, oleh kerana kegelinciran membuang banyak masa, tenaga dan harta.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka ini hendak minta ketetapan. Kita belum mulakan lagi. Bila kita mula, selepas 6 bulan kita akan beri lapuran (report). Tidak ada seorang pun boleh mengaku bahawa rel ini akan roboh atau tidak. Kita hendak pinda jambatan, hendak tambah lagi itu akan diberi report dari masa ke semasa.

Tuan Lim Kit Siang: Pekara ini akan lebih buruk di masa hadapan oleh kerana kita tidak ada satu rancangan.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat ini faham, rancangan sudah ada, rancangan di atas kertas. Kalau kurang wang, tunggu lagi, it is beyond our control, we are doing our best.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Tadi wakil dari Muar Utara telah bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, kemalangan yang berlaku ialah disebabkan kakitangan atau pekerja-pekerja keretapi tidak cukup mahir. Jawab Menteri,

driver, technical assistants dan lain-lain pihak Pentadbiran Keretapi ada mengadakan latihan khas untuk mereka. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan adakah rancangan untuk melatih semua pekerja-pekerja keretapi yang membawa kereta, penolong teknikal dan lain-lain, khususnya yang mejaga railway lines.

I entirely agree with the Minister on this Keynesian Concept, but why has the Minister increased the public expenditure for 1974 and 1975 by as much as \$2.8 billions? Is he not adding fuel to the fire when there is already too much excess money floating around?

The Minister should call for a revision of the remaining projects of the Second Malaysia Plan and suspend those that are not so urgent or that are not likely to bring forth economic returns. He has publicly stated that this should be done and the Pekemas calls on the Minister to implement what he has stated he would do.

Outlook for 1974

The Minister admitted that giving a forecast for 1974 was difficult given the international oil crisis and the uncertainties resulting from it. Nevertheless, he went on to forecast a slower rate of inflation and a continuing growth in G.N.P. during 1974. He based his assessment on the assumption that with oil in short supply and with prices rising there will be pressures for synthetic rubber and therefore natural rubber would benefit and Malaysian rubber would fetch high prices though not on current levels. With due deference I would suggest that he has erred. If the oil squeeze continues, then rationing and other measures would lead to cuts in production levels and economic activity in the western and Japanese economies. Some forecasts in the foreign Press say that G.N.P. is likely to show no growth in Japan, at best, if not a decline. Similar views on the performance in the U.S.A. and Europe have been made. Anti-inflationary measures may not work and the overall picture is one of no growth with coming inflation. Thus the world is likely to see stagflation. Malaysia, as a small country, will feel the impact. If the wheels of industry grind to a halt in the industrialised countries, we will suffer too. The looked for switch that the Minister talked about is unlikely to take place if the demand for materials falls overall. His forecasts for private investment are optimistic, to say the least.

Equally, prospects of curbing inflation are dim unless and until more serious and radical measures that I have advocated are taken. On all these counts I do not share his basic optimism. At best, the outlook for 1974 is uncertain. At worst, if the oil squeeze continues in the industrialised countries, there will be a recession and even stagflation and we should all do what we can in order to prepare ourselves for the worst.

Floods

Mr Speaker, Sir, once again large tracts of Peninsular Malaysia are inundated with floods. All the Press in this country today have highlighted this story. Six States, namely, Kelantan, Trengganu, Pahang, Perak, Kedah and Perlis are now flooded and have to cope with thousands of evacuees. The royal town of Kuala Kangsar is now flooded, but what is the Government doing about these floods?

I remember when the great floods of January 1971 occurred, the Government promised the flood-stricken people that energetic steps would be taken to tackle the recurring floods in this country, but what has been done since then? I notice too that a Minister has been specially appointed to look after flood control and the Pekemas calls on him to give a report on the work that he has done to this House in this session. Already human lives have been lost, livestock swept away and crops and household goods damaged if not swept away as well.

Every time such extensive floods occur, the damage runs into hundreds of millions of dollars. It is far better for the Government to spend millions on flood prevention and control rather than spend millions of dollars on flood rehabilitation.

In my own backyard of Batu, floods are not an annual occurrence. They are regular fixtures throughout the year. Whenever there is a heavy rain even for a few hours, there is a flash flood. Thus, the residents of Tiong Nam Settlement, Kampung Maxwell off Jalan Chow Kit, Kampung Kasipillay, Bamboo Garden, the Ipoh Road Wholesale Market and the area behind the Police Station in Kepong have come to the conclusion that they have not only been abandoned by the Alliance Government but maybe by God as well. These people have to move out of their homes whenever a heavy shower brings about flash floods.

Now, all these flood-stricken residents live in what is now called the Federal Territory. The Minister responsible cannot now plead divided authority hampering him taking flood preventive measures. Hence I call on him to give his urgent attention to the menace of floods in the Federal Territory, in particular to the areas that I have mentioned. For the rest, the Government should stop making innocuous statements and indulge in smooth talk but get down to the job of taking concrete steps to prevent and control floods in this country.

One way would be to harness the power of our rivers to generate hydro-electricity and in these days of the oil squeeze, the more hydro-electricity we have the less we have to depend on imported oil to keep our wheels of industry going.

Up to now we may be drowned by waves of inflation. A new danger has now arisen. Now we may well be drowned by waves of flood and these twin dangers may well do the nation irreparable damage. Hence I call on the Government to act now and talk less. Thank you.

4.18 ptg.

Datuk Dr Haji Abdul Aziz bin Omar (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Belanjawan yang dibentangkan ini mencerminkan kemajuan yang sedang dicapai oleh negara kita serta dengan kemakmornya, juga membuktikan kecekapan dan kejujuran Kerajaan Pusat yang mentadbirkan negara ini.

Minyak

Di dalam dunia yang berkurangan tenaga minyak, Semenanjung Malaysia tidak menaikkan cukai minyak seperti yang dijangkajangka itu. Kerajaan hanya merayu kepada rakyat mencermatkan penggunaan minyak. Cukai impot barang-barang keperluan sehari-hari dimansuhkan, juga eksais duti dikurangkan. Dengan ini diharap barang-barang keperluan sehari-hari akan boleh dibeli dengan harga-harga yang berpatutan. Penjual borong dan penjual runcit diharap akan mengurangkan harga dagangan mereka selaras dengan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dan sudah sampailah masanya bagi Kerajaan mengambil satu langkah yang tegas terhadap mereka yang memeras rakyat.

Cukai Spekulasi Tanah

Berkenaan dengan cukai spekulasi tanah dan rumah, saya fikir \$200,000 ke atas itu adalah satu angka yang tinggi dan masa di dalam dua tahun adalah terlampau singkat. Banyak speculators boleh melepaskan diri daripada cukai itu. Saya fikir angka yang menasabah ialah sebanyak \$75,000 dan lima tahun patutlah dikenakan cukai. Untuk faedah negara dan rakyat spekulasi tanah dan rumah janganlah digalakkan kerana ini akan menutupkan peluang mereka yang berpendapatan kecil daripada membeli tanah, padahal Kerajaan menggalakkan semua golongan rakyat mempunyai rumah sendiri. Dengan sebab itu cukai spekulasi tanah ini patutlah diperketatkan lagi.

Berkenaan dengan tanah seterusnya untuk faedah keturunan kita yang akan datang janganlah jual tanah kepada orang-orang asing walaupun untuk pelaburan. Pajakkanlah tanah kepada mereka selama 60 tahun sahaja. Jikalau climate pelaburannya baik, saya percaya mereka tidak akan menolak tawaran ini. Barangkali adalah lebih baik lagi jikalau Kerajaan bersungguh-sungguh ikhtiar beli balik sedikit demi sedikit tanah-tanah yang dimiliki oleh warganegara asing dan dipajak selama 99 tahun kepada warganegara Malaysia yang berminat. Kalau tidak salah tidak ada negara di dalam dunia pada masa ini yang menjual tanah kepada warganegara-warganegara asing. Dengan harapan ini, saya menyokong Rang Undang-undang ini, akan tetapi izinkan saya memberi sedikit pandangan dengan beberapa perkara yang ketinggalan ataupun peristiwa-peristiwa yang berlaku dengan tidak sengaja dan tidak disangka-sangka sungguhpun perkara-perkara dan peristiwa-peristiwa ini kecil, akan tetapi jikalau dicantumkan mereka ini akan menjadi besar dan akan membawa akibat yang buruk kepada negara kita. Maka dengan sebab itu, saya menyeru kepada mereka yang berkenaan supaya memberikan perhatian yang berat kepada pendapat-pendapat ini dan cuba seberapa daya upaya mengatasi kesulitan-kesulitan yang akan disebutkan kelak.

Pelajaran

Berhubung dengan belanjawan Kementerian Pelajaran, saya harap Kementerian ini akan memberi pandangan yang sewajarnya kepada teguran saya ini. Saya ucapkan tahniah kepada Kementerian ini di atas kejayaan yang cemerlang. Boleh dikatakan

Kementerian ini telah lulus di dalam ujiannya dengan mendapat markah sebanyak 99% di dalam bahagian menyediakan sekolah-sekolah untuk pelajar-pelajar kita. Kekurangan satu peratus itu ialah kerana Kementerian ini tidak dapat menyediakan sekolah-sekolah untuk murid-murid yang baharu hendak bersekolah di kampung-kampung di luar bandar yang agak terpencil. Ini bukanlah salah Kementerian Pelajaran yang telahpun tahu atas hal ini. Katanya ini disebabkan oleh kekurangan wang. Sebagai contoh diambil satu kampung nelayan di Kelantan bernama Kampung Pengkalan Kubur duduknya di atas tebing sungai yang menjadi sempadan dengan negara Thai. Bandar kecil ini menjadi gateway di antara Malaysia dengan Thailand. Sepatutnyalah segala-segala infrastructure yang ada di situ mestilah mencerminkan segala-segala keindahan, kemakmuran dan kemajuan Malaysia.

Sebaliknya tidak, tidak ada jalanraya yang sempurna, tidak ada bekalan elektrik dan air paip dan tidak ada bangunan sekolah yang sepatutnya. Di sini didapati sebuah Sekolah Kebangsaan yang dibinakan lebih daripada 10 tahun dahulu dengan kayu dan papan sahaja. Sekarang sudah buruk dan bocor. Sekolah ini hanya menempatkan seramai 240 orang murid akan tetapi oleh kesedaran dikalangan ibubapa murid-muridnya sudah meningkat 480 orang. Oleh sebab yang demikian, terpaksa sekolah itu digunakan pagi dan petang. Oleh sebab kuatnya seruan Kerajaan kepada ibubapa menyuruh mereka hantar anak-anak ke sekolah menyambut Rancangan Malaysia Kedua maka murid-murid seramai 660 orang pula didaftarkan di sekolah ini untuk tahun 1974. Ini adalah sangat memuaskan. Rakyat menyambut baik seruan Kerajaan menyokong implimentasi Rancangan Malaysia Kedua. Akan tetapi apa yang dikhuatirkan ialah sekolah ini kecil dan tidak ada tempat bagi mereka itu. Maka kanak-kanak yang seramai 182 orang ini terpaksa ditolak dan tidak akan diberi persekolahan, maknanya mereka tidak akan menerima nikmat hak asasi mereka. Jikalau tidak diperbaiki nasib kanak-kanak ini apa yang akan terjadi kepada mereka pada masa yang akan datang Tuhanlah sahaja yang mengetahuinya.

Bangunan Sekolah

Oleh sebab kesedaran berkenaan dengan kewajipan pelajaran untuk anak-anak mereka—nelayan-nelayan di kampung itu

merayu kepada Jabatan Pelajaran minta membina satu bangunan tambahan buat sementara. Jawapan yang sedih ialah tidak dapat dilayan rayuan itu kerana rancangan untuk membina sebuah sekolah yang baharu akan dipertimbangkan dalam tahun 1975. Maka bermesyuarat pula nelayan-nelayan ini dan telah bersetuju membina satu bangsal bergotong-royong menggunakan batang-batang nibung dan buluh yang dicarinya sendiri yang dikehendaki ialah wang sebanyak hanya \$500 untuk membeli atap, paku dan rotan, akan tetapi Kementerian Pelajaran tidak ada lagi peruntukannya, maka hampalah harapan mereka itu. Walau bagaimanapun Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah memberi jaminan yang ia akan ikhtiar juga mendapatkan bantuan yang dikehendaki itu. Rakyat-rakyat di kampung itu mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas niatnya yang baik itu dan diharap bantuan itu akan diterima tidak berapa lama lagi. Ini adalah satu contoh sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Saya tahu banyak lagi sekolah-sekolah di luar bandar yang tidak dapat menempatkan murid-murid yang ingin bersekolah. Diharap Kementerian Pelajaran akan memberi perhatian yang berat kepada kesulitan ini di dalam belanjawannya yang akan datang.

Ada dua tiga perkara lagi juga saya suka sebutkan berkenaan dengan Kementerian Pelajaran.

Harga Kertas

Yang pertama, dengan kenaikan harga-harga kertas mungkin akan timbul kerumitan kesusahan kepada ibu bapa atau penjaga untuk membeli buku-buku tulis kanak-kanak yang sudah tentu akan naik harganya. Adakah hal ini Kementerian Pelajaran telah menyedarinya? Kalau ada, apakah langkah-langkahnya yang dijalankan untuk mengatasi hal ini?

Laporan Keciciran

Laporan Keciciran telah memberi beberapa cadang-cadangan yang konkrit bagaimana untuk mengimbangkan keadaan antara pelajar-pelajar luar bandar dan pelajar-pelajar di bandar. Pelajar-pelajar luar bandar oleh sebab keadaan fizikal yang tersangat buruk, mutu pelajarannya amatlah jatuh, sebaliknya pula oleh sebab keadaan fizikal yang baik, maka pelajar-pelajar di bandar mendapat mutu pelajaran yang tinggi.

Yang kedua, apakah langkah-langkah segera yang telah dijalankan oleh Kementerian Pelajaran untuk mengatasi hal-hal ini, atau sejauh mana usaha-usaha dijalankan oleh Kementerian ini mengikut syor-syor laporan tersebut?

Guru-guru di Pantai Timur

Yang ketiga, sejauh mana Kementerian telah mengambil langkah-langkah kalau ada bagi mengatasi kekurangan guru-guru terlatih di Pantai Timur terutama di Kelantan, Trengganu dan Pahang. Bagaimana dengan Rancangan Pertukaran Guru-guru antara Pantai Timur dengan Pantai Barat yang disyorkan baharu-baharu ini? Di harap rancangan ini akan dilaksanakan dengan segera.

Jalanraya

Berhubung dengan Belanjawan Kementerian Kerja Raya dan Tenaga. Kerajaan Campuran telah ujud di Kelantan selama 340 hari. Akan tetapi, rakyat Kelantan masih lagi menunggu-mennunggu nikmat yang dijanjikan oleh Kerajaan Malaysia. Rakyat Kelantan bukanlah berkehendakkan kilang yang moden ataupun bangunan pencakar langit dibina dengan serta-merta. Apa yang dikehendaki ialah infrastructure sahaja, jalanraya yang sempurna kuasa elektrik dan air paip, khasnya di Jajahan Tumpat. Pada masa ini banyak daerah-daerah dan kampung-kampung di jajahan ini telah putus perhubungan dengan pusat-pusat pentadbiran, kerana jalan-jalan yang dibina hanya dengan tenaga rakyat bergotong-royong telah dimusnahkan oleh air hujan. Keadaan serupa ini menimbulkan satu lagi bencana iaitu kecurian binatang ternakan dengan senang sahaja dilarikan ke negara jiran kita. Dengan sebab itu, rakyat Kelantan merayu kepada Kerajaan Campuran membina jalanraya yang sempurna dengan seberapa segeranya berserta dengan bekalan elektrik dan air paip.

Kematian Bayi di Luar Bandar

Berkenaan dengan belanjawan Kementerian Kesihatan. Kementerian Kesihatan patut juga diberi tahniah kerana kemajuan yang telah dicapai. Sungguhpun begitu ada juga kejadian yang tidak diingini dan patut diatasi, kalau belum diatasi lagi. Kejadian ini adalah kematian bayi (infantile mortality rate) yang berlebih-lebihan di kawasan-kawasan luar bandar berbanding dengan kawasan-kawasan yang di dalam bandar.

Contohnya, menurut perangkaan penting Malaysia Barat kadar kematian bayi di daerah Tanah Merah, Kelantan ialah 57.06 bagi tiap-tiap 1,000, kelahiran hidup. Berdasarkan perangkaan ini jajahan Tanah Merah mengalami kadar kematian bayi yang paling tinggi di Kelantan. Jumlah semua kematian bayi di jajahan Tanah Merah pada tahun itu ialah 133 orang, bayi Melayu seramai 128 orang, manakala bayi Cina 2 orang dan India tiga orang sahaja.

Bagi keseluruhannya Negeri Kelantan kadar kematian bayi pada tahun itu ialah 47.9 di dalam tiap-tiap 1,000 kelahiran hidup. Ini adalah kadar kematian bayi yang paling tinggi sekali di Malaysia Barat di mana keseluruhannya kematian bayi ialah 40.8 tiap-tiap 1,000 kelahiran hidup. Apakah sebab-sebabnya yang begitu banyak kematian bayi di Kelantan? Di antaranya ialah kerana kekurangan pengetahuan tentang kesihatan yang sepatutnya diketahui oleh ibubapa. Penduduk-penduduk di sini hidup dalam kemiskinan, tidak dapat makanan yang menjamin kesihatan dan kecergasan, tidak dapat mengadakan rumah-rumah yang lebih selesa dan kebersihan yang teratur. Kematian-kematian ini biasanya disebabkan oleh penyakit berak-berak dan muntah demam paru-paru disertai oleh penyakit sawan. Cara mengatasi trajidi ini ialah membina banyak lagi Pusat-pusat Kesihatan di kawasan-kawasan terpencil ini dan penyebaran pengetahuan kesihatan dengan seluas-luasnya. Pengalaman di Kelantan ini sekali lagi memberi kesedaran kepada kita kewajipan membekalkan alat-alat kesihatan ke kampung-kampung yang mendalam. Perkhidmatan kesihatan luar bandar di Malaysia telah mendapat kepujian sebagai yang terbaik sekali di antara negara-negara yang sedang membangun. Sungguhpun begitu banyak lagi perkhidmatan yang mesti dilaksanakan kepada kampung-kampung yang jauh daripada bandar. Maka saya harap Kementerian Kesihatan akan bersungguh-sungguh mengatur programnya untuk menyelamatkan orang-orang yang tinggal di kampung-kampung yang terpencil ini.

Nasib Nelayan-nelayan

Berkenaan dengan Belanjawan Kementerian Pertanian dan Perikanan. Nasib nelayan tersangat buruk, lebih-lebih pula mereka yang tinggal di Pantai Timur. Nasib ini bertambah buruk lagi apabila satu

undang-undang diperkuatkuasakan tidak berapa lama dahulu. Undang-undang ini membolehkan pihak yang berkuasa merampas bot-bot dan alat-alat menangkap ikan serta mendenda nelayan-nelayan yang didapati melanggar undang-undang perikanan. Mereka yang dirampas bot-bot dan alat-alat menangkap ikan sekarang telah menjadi separuh kebuluran, kerana mereka tidak ada modal hendak membeli bot-bot dan alat-alat yang baharu dan mereka tidak ada mata pencarian yang lain, maka mereka merayu dan berharap kepada Kerajaan Malaysia menarek balik kuasa merampas bot dan alat-alat itu supaya kehidupan mereka dan keluarga mereka terjamin.

Yang kedua, berkenaan dengan Jabatan Parit dan Taliair. Rakyat di Perairan Kemubu dan Lemal di Kelantan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan, kerana dengan adanya rancangan-rancangan ini, mereka telah menerima faedah yang besar dan telahpun dapat meninggikan taraf hidup mereka. Tetapi ada juga peladang-peladang yang gelisah kerana sawah mereka seluas 300 ekar yang duduk di mukim Terbok, Tumpat telah ditenggelami air sudah tiga tahun. Ini adalah disebabkan oleh parit untuk mengering air telah pecah dan dipenuhi oleh rumput dan lalang. Diharap Jabatan Parit dan Taliair tidak berlengah-lengah lagi membaiki keadaan ini. Jadi tidak kehidupan 200 keluarga akan terancam.

Minyak Petrol

Berhubung dengan belanjawan Kementerian Perusahaan Utama. Kekurangan minyak petrol pada masa ini disebut-sebut tiap-tiap hari. Sungguhpun begitu kita berasa senang hati kerana kita sendiri mengeluarkan minyak dan bekalan minyak daripada Asia Barat tidak dibataskan, akan tetapi kita telah mendapat tahu bahawa bekalan minyak dari Asia barat ke Britain telah dialirkan pelayarannya ke negara-negara lain. Walaupun begitu tidakkah kita berasa bimbang yang bekalan untuk Malaysia pun akan diperbuat demikian juga. Oleh sebab perkara ini mungkin berlaku apakah langkah-langkah yang telah kita sediakan untuk mencegah kejadian ini? Kalau belum ada lagi persiapan ini, sudah sampai masanya bagi negara kita mengambil langkah-langkah yang tertentu supaya minyak untuk Malaysia tidak dibawa ke negara yang lain seperti yang berlaku dengan barang-barang makanan. Kekurangan

minyak di Amerika, Jepun dan Eropah bermakna kekurangan perindustrian di sana, ini akan mengurangkan eksport market kita dan daripada hari ini mustahaklah kita bersiap sedia satu program untuk menghadapi kesan-kesan buruk yang akan berlaku akibat catuan minyak kepada negara-negara yang menjadi eksport market kita, untuk hasil-hasil keluarga negara seperti getah, bijih timah, kelapa sawit, kayu kayan dan lain-lain.

Lapanganterbang Pengkalan Chepa

Berhubung dengan belanjawan Kementerian Perhubungan. Berkenaan dengan minyak juga diharap MAS tidak akan menurut jejak langkah IATA menaikkan tambangnya. Sekurang-kurangnya janganlah menaikkan tambang domestic service. Penduduk-penduduk Kelantan mengucapkan terima kasih kepada MAS, kerana menambahkan perkhidmatannya di antara Kuala Lumpur dan Kota Bharu dengan kapal terbang Boeing 737. Perkhidmatan ini telah mendapat sambutan yang memuaskan dan pada hari ini telah menjadi satu kewajipan kepada orang-orang Kelantan, akan tetapi oleh sebab ramainya penumpang 737 ini serta ramainya saudara-mara mereka meraikan mereka itu maka terminal building di Lapanganterbang Pengkalan Chepa telah menjadi seperti pasar ikan. Susah pegawai-pegawai kastam dan imigresen hendak mengawal dan menjalankan tugas-tugas mereka. Bilakah agaknya Jabatan Penerbangan Awam akan membesarkan bangunan ini? Saya harap biarlah cepat sedikit. Juga bersangkutan dengan kapalterbang jenis Boeing 737 yang mendarat di lapangan terbang Pengkalan Chepa didapati tangga yang digunakan oleh penumpang-penumpang untuk naik dan turun kapalterbang itu adalah jenis tangga yang ditolak dan ditarik dengan tenaga manusia. Kadang-kadang di dalam masa hujan dan ribut semua pekerja-pekerja di lapangan terbang itu termasuk pengurusnya sendiri dan juga buruh kasar semua terpaksa menolak dan menarik tangga itu. Kita sendiri merasa sedih melihat di dalam zaman sains dan teknologi ini manusia yang sepatutnya menghadapi pekerjaan yang lain menarik dan menolak tangga yang berat di dalam hujan, panas dan ribut.

Bilakah masanya MAS akan menyediakan satu mobile steps untuk keperluan ini, harganya tidak begitu mahal dan MAS saya percaya mampu membelinya.

Penerbangan Malam Yang Murah

Satu lagi perkhidmatan yang penduduk Kelantan menunggu-menunggu ialah perkhidmatan economic flight iaitu satu penerbangan malam yang murah. Bilakah perkhidmatan ini akan dimulakan?

Bumiputra di Bidang Perniagaan

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua Kerajaan menggalakan bumiputra mengambil bahagian di dalam industri-industri dan perniagaan, maka oleh sebab yang demikian sebuah syarikat bumiputra telah berjaya membekalkan telur kepada sebuah badan berkanun, akan tetapi sebuah syarikat lain yang bukan bumiputra telah menawarkan setengah sen lebih murah daripada yang ditawarkan oleh syarikat bumiputra itu. Jadi contract itu telah diberi kepada syarikat yang kedua ini. Syarikat yang kedua ini ialah sebuah syarikat yang besar sedang memberi bermacam-macam bekalan kepada badan-badan berkanun dan government agencies, barang-barang serba macam dibekalkan; barang-barang yang dibekalkan termasuklah screw driver yang kecil sehinggakan sebesar-besar tractor, daripada ayam sehingga lembu-kerbau. Jadi kalau di-biarkan begitu sahaja syarikat yang besar ini akan memonopoli segala-gala bekalan kepada Kerajaan, dan syarikat-syarikat bumiputra yang kecil tidak akan mendapat penyertaan di dalam bidang perniagaan ini. Sudah sampai masanya bagi Kerajaan memberi arahan kepada government agencies dan badan-badan berkanun dipertimbangkan sedikit tawaran daripada bumiputra.

Menghalang Bumiputra dalam Tentera Laut Di Raja

Berhubung pula dengan belanjawan Kementerian Pertahanan. Saya suka menyentuh sedikit berkenaan dengan pegawai dan kakitangan perkapalan. Tidak berapa lama dahulu di Pelabuhan Kelang, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyeru supaya ramai lagi belia-belie Malaysia mengambil bahagian di dalam perindustrian perkapalan swasta dan Angkatan Tentera Laut di Raja, sebagaimana dilaksanakan oleh nenek-moyang kita pada zaman dahulu sehinggalah nama mereka termasyor di seluruh dunia timur sebagai ahli pelayaran yang cekap dan berani. Anak-anak bumiputra sudahpun ada semangat hendak menjadi pegawai-pegawai atau anak-anak kapal, maka seruan yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu menjadi satu lagi galakan kepada mereka itu.

Setahu saya sudah banyak belia-belie Malaysia yang membuat permohonan untuk jawatan-jawatan di dalam dunia perkapalan. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, malangnya nasib pemuda-pemuda bumiputra yang berkelayakan ini ada orang-orang yang menghalang niat dan cita-cita mereka hendak menjadi pegawai-pegawai di dalam Tentera Laut ataupun industri perkapalan. Misalnya, tidak berapa lama dahulu, dua orang belia bumiputra di antara beberapa orang yang lain telah dijemput ditemuduga di Woodlands untuk dipilih menjadi pelatih Pegawai Tentera Laut di Australia atau di New Zealand, salah seorang daripada Ahli Jawatankuasa Pilihan itu katanya orang yang berketurunan Eropah, telah menegaskan bahawa mereka yang dipilih mengikut latihan ini tidak dapat mengelakkan diri daripada makan daging babi. Katanya, daging babi sedap rasanya jangan lepaskan peluang ini.

Minuman Keras

Lagi seorang Ahli Jawatankuasa pula memberitahu minuman keras mesti juga diminum oleh pelatih, kerana katanya, banyak orang-orang besar kita pun minum arak. Apabila kedua orang calon ini dengar arahan itu mereka yang terdiri daripada golongan yang beriman menarik diri daripada pemilihan itu. Perbuatan ini bolehlah dianggap sebagai satu sabotaj terhadap belia-belie bumiputra yang berkelayakan dan hendak meninggikan taraf hidupnya. Mereka yang membuat kesalahan ini patut sangatlah dikenakan hukuman yang sewajarnya.

Sekianlah sahaja teguran saya dan diharap mereka yang bertanggungjawab akan memberi perhatian yang sepatutnya. Saya menyokong Usul ini.

4.37 ptg.

Tuan Richard Ho Ung Hun (Sitiawan): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I rise to take a very brief part in this debate on the Supply (1974) Bill introduced by the Honourable Minister of Finance, Tun Tan Siew Sin.

Once again, Sir, many voices will be heard in this House, some in perpetual complaint, some in criticism, some in uncertain doubt, and a few in anger. However, as in the years last past, most voices will be in support, some unreservedly, some with qualifications, and some grudgingly, in varying degrees of an acknowledgment of a difficult job well done by the Government.

Anggaran ini adalah yang luas, dan sebab itulah saya akan menyentuh satu atau dua aspek-aspek jiwa Negara kita yang mana tidak dinafikan lagi akan bergantung secara penting kepada perbelanjaan dengan bijak, jumlah wang yang begitu besar yang telah diperuntukkan kepada Kementerian-kementerian berkenaan. Oleh sebab itulah Yang Berhormat Menteri Kewangan kita pun telah menyatakan bahawa haruslah kita menjamin supaya nilai penuh dicapai dengan perbelanjaan setiap ringgit.

Seperti yang kita telah diberi tahu perbelanjaan tambahan yang bermakna pun telah diperuntukkan bagi perkhidmatan Sosial sebagai Pelajaran, Kebudayaan, Belia dan Sukan. Maka saya ingin menjemput perhatian Kementerian-kementerian itu yang akan menerima faedah itu kepada harapan Yang Berhormat Menteri Kewangan kita yang merayu supaya kita mencapai nilai penuh daripada wang kita yang akan dihauskan.

It is with this in view therefore that Ministries concerned with Education, Culture, Youth and Sports have their roles, like it or not, which must dovetail one with another in cultivating the Malaysian Youth in national consciousness. In this monumental task I ask these Ministries to redouble their efforts and hitch their respective wagons to these twin stars, not only in classrooms, laboratories, theatres, on university campuses, playing fields, but also to help bring about parent participation at home, and youth participation at extra curricular play and at work.

To be sure, Sir, these are fine words which anyone of us may utter. Perhaps they are no more than old wine in a new bottle. However, it is not for me to instruct these Ministries on matters which they have dedicated experts to advise on. It is only for me to provide an honest impetus to the entire process if I can. With this in view, perhaps it is correct to say that these Ministries representing official Quarters cannot do it alone. We need conscious participation by the rakyat. The rakyat must not only understand but want to understand what the Government is trying to do.

Perhaps the Department of Information, which is as a matter of my personal knowledge already sparing no efforts in this direction, could also redouble its efforts to bring the message to our rakyat.

More importantly, however, is the thorny question of implementation of national policies. It is no secret that implementation in the past at the grass roots level have not been satisfactory. The rakyat everywhere must see with their naked eyes the activities of Government servants. The rakyat must know that their problems of everyday life are quickly and effectively solved. When they hunger, they must have food. When they thirst, they must have drink. But food and drink are not confined to what they normally mean. For man shall not live by bread alone. The rakyat must above all have a sense of belonging. They must feel that they have a stake in this country irrespective of ethnic origin. For example, a Chinese must be able to say without hesitation and without premeditation, "I am a Malaysian first, Chinese second". An Indian must be able to say too, "I am a Malaysian first, an Indian second". So too a Malay must be able to say with equal sincerity "I am a Malaysian first, a Malay second".

I sincerely believe that only and only when implementation of policies reach the ground in the way they are meant to be implemented, will the rakyat see the credibility gap between them and Government close so as to prevent a repetition of the relative election debacle of 1969.

Sir, only and only when this implementation occurs, will the rakyat begin to understand and wish to understand the message of the Government, and begin to participate in a task which will result in a more beautiful tomorrow for generations yet unborn.

In making these remarks, I wish to correct any impression that they may have left of my inveterate penchant for criticism at all times. Sir, I have not been blind to genuine efforts being made by Government Officers at ground level in this general direction. The Sitiawan District Office is a case in point. Under its coordination, teams of officials from various administrative branches of local government tour the District regularly, dispensing answers to problems of the rakyat on the spot. This is their scheme of "Kumpulan Sibik Daerah Dindings" headed by their very energetic District Officer, Dindings. For those departments of Government which are still inactive in this respect, I say "In Heaven's name, go forth to the people".

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya berkembali ke kedua-dua aspek iaitu Belia Malaysian dan Kesedaran Nasional yang saya sebutkan tadi. Pada minggu yang lalu Dewan ini pun telah mendengar seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita supaya semua Malaysian berganding bahu serta berusaha secara maksimal menghadapi cabaran masa depan agar menwujudkan bagi kita dan bagi jenerasi-jenerasi yang akan datang suatu Negara Malaysia berbilang kaum yang baru, serta berasas kepada penuh akal dan tahan lasak—iaitu sebuah Negara yang kita akan sedia membela dan mempertahankan dengan nyawa kita.

Tuan Yang di-Pertua, biarlah kita meninjau sepintas lalu tentang sejarah berwarna-warni kita. Nenek moyang kita termasuk bumiputra telah datang daripada tanah-tanah lain ke Tanah ini pada semasa ke semasa dahulu. Mereka mempunyai bahasa, latar belakang, kebudayaan dan cara fikiran yang berlainan. Ada yang cuma datang untuk menyaksikan keindahan tanah asing. Ada pula yang datang mencari kekayaan. Ramai daripadanya tidak langsung mempunyai niat menurunkan akarnya di sini. Masyarakat berbilang kaum yang tidak kekal itu dibelahbahagikan oleh kehidupan berlainan. Berikutan dengan keadaan itu, datanglah penjajahan yang kerap didendam itu, yang pada hakikatnya telah terus mendalamkan belah bagi itu. Akhirnya pula tibalah yang boleh dikatakan zaman pos 1969.

Keharmonian antara kaum dahulu yang telah mengharumkan nama Malaysia yang telah menjadi tauladan cemerlang kepada negara-negara lain mulai pecah dan rosak. Belah bagi secara perkauman telah muncul di kalangan belia kita. Penyakit ini bukan sahaja telah serang masyarakat kita pada amnya akan tetapi telah merebak kepada sekolah-sekolah, kolej-kolej serta institusi-institusi pelajaran tinggi khususnya. Keadaan ini sungguh mencemaskan negara kita.

Sir, much water has flowed beneath the bridge since then. The past has gone and from the past we can learn our weakness and our strengths. The main weakness of the past was the lack of direction given to the country. We were comprised of different groups, each going its own way, with no national objective to speak of. But from the past we can derive a source of strength. We came from different cultural backgrounds.

Indeed, our different cultures and our original histories comprised of three of the world's greatest civilizations. It is for us to combine these into an united whole.

Tuan Yang di-Pertua, pada minggu lalu, Dewan yang mulia ini telah memperkuat lagi kepercayaan atas Rancangan Malaysia Yang Kedua berserampang-mata-dua. Dalam perkara ini belia kita yang berbilang kaum akan memainkan peranan penting. Mereka harus ambil faham bahawa batu asas suatu masyarakat Malaysia baru sedang diletakkan pada tahun-tahun tujuh puluhan. Mereka harus faham awal-awal lagi bahawa pimpinan di sebuah masyarakat demokratik berbilang kaum, dan berbagai kebudayaan ini, pasti memegang teraju dengan tauladan berilham, dengan kuasa yang berhasil dari kebolehan tinggi, dan dengan dedikasi yang berkesan lagi terbukti, serta timbangrasa atas kepentingan semua kaum. Mereka harus faham akan maknanya masyarakat Malaysia baru itu, supaya mereka akan lebih layak meneruskan usaha-usaha membinakan suatu masyarakat adil dengan keinsafan pada masa akan datang. Tidak dinafikan lagi bahawa belia kita tidak kira keturunan harus berusaha berganding bahu secara keharmonian, secara fikiran nasional dan secara saling mengerti, supaya kemudi negara Malaysia akan dipegang oleh bakal pemimpin-pemimpin yang bertanggungjawab, bertimbangrasa, dan adil. Dengan perkataan lain, Belia Malaysia pada masa sekarang patutlah mengingatkan Allahyarham Tun Dr Ismail bekas Timbalan Perdana Menteri kita sebagai punca ilham dalam usaha membina sebuah masyarakat yang adil.

Sir, there are clear signs today that our peoples are aware and conscious that the foundation has been laid today for a united tomorrow. Our youths are reacting to the situation but more is to be done. This awareness or consciousness must however be made to spread among our youth at all levels—in the kampungs, villages, towns and in our schools and institutions of higher learning. Our hope for the future is that we can be one, united and harmonious when we will think Malaysian, speak Malaysian and act Malaysian—when our sectional and communal interests will be subservient to our national interests. Our leaders, Sir, our teachers and our parents should consciously,

sincerely and actively inculcate in the minds of our youth this national, this Malaysian consciousness.

Sir, a country is what its people make it to be. But the process of making a country or of creating a nation is a long and arduous process. Our youth should know each other, learn each other's different cultural backgrounds and sensitivities and work together for the national good. Our Youth of different races should come together and participate in activities designed to help achieve the national good. The key word is *participation*. Our youth of different races should be encouraged—in fact we should give them the opportunities—to participate fully together in nation building. Land schemes, youth organisations and the like, whether private or government sponsored or created, and such other schemes or organisations should take in youth of all races. The young responds with enthusiasm to challenges presented, provided proper direction is given. The responsibility and task of the Ministers of Education, Culture, Youth, Sports and Information is, therefore, not a mean one. As we can see from the experience of other more developed countries and from the lessons of history, national consciousness varies from noble devotion to moral lunacy. The inculcation Sir, of national consciousness in a spirit of noble devotion among Malaysian Youth will steer them away from the narrow and the perilous path of moral lunacy. Let us then enunciate to Malaysian Youth in every possible way that National Consciousness means the steady and tranquil dedication of a life-time towards the fostering of a spirit of national solidarity and a sense of belonging to the country.

Mr Speaker, Sir, before I sit down, if I may say so, with respect, the speech of the Honourable Minister of Finance is a well-balanced document, which is obviously the result of much research and very hard work. There is no attempt to lead this House up the garden path. There is no brazen boast of an utopia to come. There appears to be no sugar coated pill at all. In fact, he quite frankly said realistically in the initial part of his speech that it was not possible to even hazard a guess as to what the future holds in store as far as the international monetary situation is concerned, as he recalled the doings of the Committee of Twenty in Washington in March this year, the events of

Nairobi in September this year and as he appeared to look towards Rome in January next year with not a little trepidation. This sober appraisal of an anticipated slowdown in the rate of economic expansion and inflation in the major industrial countries which will influence our Nation's economy in 1974, has set a cautious underlying tone throughout the document. If this is only barely visible at times, it is because of the general painless nature of the Budget containing very sensible innovations such as the Land Speculation Tax, the Tax Relief for Earned Income for Married Women, the Tax Relief for Incapacitated children, the Tax Relief for Small-Scale Businesses on Joint Stock Company Basis and so on. If this was in danger of totally lost sight of, the Honourable Minister of Finance managed to remind this House, at the end of his document, with great resolve that against the larger canvas of discouraging prospects abroad, the Malaysian economy will sustain a high level of economic growth with a slowdown in price increases, whilst constantly watching our No. 1 economic problem, inflation, like the financial hawk that he is.

Sir, I congratulate the Ministry of Finance for once again having dealt with a knotty problem in an intelligent and highly democratic manner.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

5.03 *ptg.*

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim (Jitra-Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, membahaskan ucapan Anggaran Belanjawan Negara bagi tahun 1974 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan saya dengan ikhlas dan segala senang hati bangun untuk mengambil bahagian.

Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap akhir tahun dan Parlimen pula bersidang dan Kerajaan akan membentangkan Anggaran Pendapatan Hasil Negara dan Belanjawan Negara Tahunan. Rakyat negeri ini di seluruh negara tertunggu-tunggu dengan hati berdebar serta bimbang dan tertanya-tanya sesama sendiri apakah lagi kali ini Kerajaan terutamanya Yang Berhormat Tun Tan Siew Sin hendak kenakan kutipan cukai kepada kita. Nama Tun Tan Siew Sin selalu dan bila ketika sahaja disebut dikaitkan dengan kutipan cukai. Saya tak tahulah samada Yang Berhormat Tun Tan Siew Sin tahu hal ini.

Kerajaan Perikatan telah memerintah hampir 20 tahun. Usaha mengekalkan keamanan, kemakmuran, keadilan dan kesejahteraan negara dan rakyat serta masyarakat seluruhnya telah dapat dipertahankan dengan kerjasama dan sokongan kita rakyat semua. Negara Malaysia sekian tahun bertambah aman, makmur, maju dan rakyatnya turut sejahtera dan maju. Ini adalah dengan sebab pemimpin-pemimpin Perikatan dan Kerajaan mempunyai kebolehan, kesanggupan dan berpengalaman seperti Yang Berhormat Menteri Kewangan kejayaannya dapat menyiapkan dan membentangkan Anggaran Belanjawan ini bagi kali yang ke empat belas dan menjadi Menteri Kewangan yang paling lama berkhidmat di dunia ini. Pengetahuannya yang mendalam dan pengalamannya yang begitu lama di dalam mentadbir dan mengelolakan kewangan negara kita telah menjadikan matawang ringgit Malaysia sesuatu yang paling stabil dan kukuh di dunia ini. Sungguhpun demikian lama dan besar jasanya dan khidmat beliau kepada negara, saya dapati tiap-tiap tahun Yang Berhormat Menteri Kewangan membentangkan Anggaran Belanjawan Tahunan kita dengar di Dewan ini banyak kritik dan kecaman daripada pujaan yang diterimanya, khasnya daripada pihak Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Belanjawan Tahun 1974, saya fikir adalah anggaran yang paling baik sekali daripada anggaran belanjawan tahun-tahun yang lalu. Saya berkata begitu oleh kerana kita dapati tiada cukai baru yang membeban dan menyusahkan rakyat jelata bahkan dimansuhkan pula cukai barang-barang perlu yang banyak digunakan oleh rakyat biasa, khasnya suri rumah tangga. Saya memberi setinggi-tinggi tahniah dan pujian kepada Kerajaan khasnya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kita atas langkah memberi pertimbangan yang bijak ini.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun perjuangan kaum wanita negeri ini menuntut pengasingan tafsiran cukai pendapatan suami-isteri tiada berhasil kali ini, saya tidak juga lupa pada mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan dan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah membuka jalan sebagai permulaan dengan memperluaskan cukai pendapatan sebanyak \$5,000 atau lebih setahun layak mendapat perlepasan cukai pendapatan sebanyak 10%

daripada pendapatan tenaga isteri. Perlepasan ini bermakna sama dengan perlepasan yang diberikan kepada suami iaitu \$1,000. Walaupun demikian, kami kaum wanita negeri ini tidak akan berputus asa bahkan kami masih berazam kuat untuk memperjuangkan terus menuntut pengasingan tafsiran Cukai Pendapatan Tenaga Sendiri antara suami-isteri kerana kami berpendapat perjuangan dan permohonan kami itu adil dan bertanggungjawab.

Saya sangat tertarik hati dan berterima kasih atas pengecualian Cukai Pendapatan untuk anak-anak cacat yang belum berkahwin yang berumur lebih daripada 16 tahun. Perlepasan ini adalah adil dan wajar Kerajaan berbuat demikian, dan saya berharap pada masa yang akan datang ditimbangkan pula Perlepasan Cukai Pendapatan kepada mana-mana anak yang menanggung sara hidup ibu-bapa mereka yang miskin, kerana saya berpendapat kalau perlepasan ini diberi adalah menggalakkan anak-anak menanggung saraan hidup ibu-bapa yang miskin. Dari segi ugama dan masyarakat juga perkhidmatan ini adalah satu amalan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati dalam Anggaran Belanjawan Negara cukai minyak petrol dan minyak injin tiada disentuh walaupun harga-harganya di negeri lain di dunia telah dinaikkan. Saya berharap Kerajaan akan berikhtiar mencari jalan jangan membenarkan harga minyak-minyak ini dinaikkan oleh kerana akibat kepada kenderaan sehari-hari, perusahaan dan kemajuan pembangunan negara akan terjejas.

Akhirnya saya menarik perhatian Dewan ini kepada peruntukan perumahan sebanyak \$24 juta. Ini saya fikir adalah sangat sedikit dan tidak mencukupi memandangkan banyaknya kekurangan perumahan, baik di bandar mahupun di desa, khasnya perumahan murah. Dengan bertambah pesatnya perindustrian di bandar-bandar bagi mereka bertambahlah pula pekerja-pekerja dari luar bandar berhijrah ke bandar-bandar bagi mendapatkan pekerjaan di kilang-kilang dan dengan yang demikian, tentulah masalah kekurangan tempat tinggal atau kediaman-kediaman bagi pekerja-pekerja. Dari segi kesejahteraan keluarga, kesihatan, didikan, akhlak dan lain-lainnya. Tempat kediaman yang sempurna dan teratur adalah sangat-sangat mustahak kerana

kesejahteraan keluarga adalah sendi dasar kesejahteraan masyarakat dan negara, seterusnya. Masalah kekurangan perumahan adalah sangat besar, tetapi peruntukan diberi dalam belanjawan adalah tidak mencukupi bagi membawa perubahan-perubahan yang berkenaan. Dengan ini, saya berharap Kerajaan akan menambahkan peruntukan ini pada bila-bila masa yang akan datang.

5.10 ptg.

Tuan Soh Ah Teck (Batu Pahat): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan sokongan saya kepada Bil Perbekalan tahun 1974 yang telah dikemukakan oleh Menteri Kewangan, Yang Berhormat Tun Tan Siew Sin dalam belanjawan tahun hadapan.

Saya terlebih dahulu, jika perlu dan mana sesuai, mohon izin berucap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, kita boleh melihat daripada belanjawan itu peruntukan-peruntukan yang terbesar diberikan kepada perkhidmatan-perkhidmatan sosial iaitu pelajaran, kesihatan, perumahan, kebudayaan, belia dan sukan.

(Dengan izin) Last week, Mr Speaker, Sir, this House approved the Mid-Term Review of the Second Malaysia Plan and its overriding objective of the promotion of National Unity. Today, Mr Speaker, Sir, I would like to draw your kind attention, and the attention of this House, to another important aspect of our national development and, that is, the promotion of our National Culture.

I believe, Sir, that, in the process of restructuring Malaysian Society, this vital aspect of creating a Malaysian Culture should be integrated into the whole picture. I believe, Sir, while we are now taking steps to eradicate poverty and to correct economic imbalances among the various races, we cannot forsake the aspect of promoting a National Culture among the races. The Government, Sir, has already started a programme to evolve a Malaysian Culture.

Now, let us pause and ask ourselves what is 'Malaysian Culture'? I humbly submit, Sir, that Malaysian Culture is the reflection of the culture of all the people in the country. I accept the fact that evolvement of a truly Malaysian culture will take time, as our Prime Minister Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak has said. National Culture should be created by a careful blending of all

the existing cultures now prevailing in the country. I envisage that a truly Malaysian Culture will be a reflection of the very feelings, customs, ideas, religions, languages, music and folklores practised by all the people now living in this country. I believe, Sir, our national culture should be a living testimony of the people.

The national culture to be created will be for the benefit of all our children in the next generation and many generations to come. Therefore, this programme for a national culture should take a positive step in creating an atmosphere that can foster the cultures of all the people and not any one section of the people now in this country.

I cannot help but feel, Sir, that the Government must plan a programme to create a sense of belonging among the people in this country so that no one in Malaysian Society need experience or feel any sense of loss or deprivation of his or her right to contribute to the development of a national culture. I believe, Sir, the aims and policies of our Government should be fully communicated to the various communities in this country. The message, if it is meant for the mass consumption and understanding, should reach the people by all ways and means. The aims and policies should be explained carefully again and again so that each and everyone can understand them because without understanding what is happening around us, I am afraid, Sir, a lot of misunderstanding, apprehension and distrust will emerge.

Now Sir, how can we overcome this misunderstanding and distrust? I submit, Sir, that no one should be denied the opportunity to be kept informed of the glory as well as the sorrow of the country and no one should be denied the opportunity to come forward to contribute his or her part in the building of our national society.

In order to overcome all these problems, Sir, and to find a solution to the problems, I urge the Government to use all available communication channels and use all available dialects and languages to inform the people of our aims and policies and to seek positive attitudes among the people to actively participate in the whole process of evolution of the Malaysian national culture.

I beg to ask, Sir, how can the people help without being kept informed? The best means of doing this is to communicate to them. I

feel that the Government has not made full use of one of the most important communication channels available in this country to transmit and broadcast the message to the people. I refer, Sir, to the use of T.V., that is, television. As we know, Sir, T.V. is one of the most powerful communication vehicles we own today. It is the vehicle that can explain and show how, in the process of creating a Malaysian culture, problems can be overcome and opportunities can be shared by all races in this country.

I beg to say, Sir, that recently I made a study of the weekly T.V. programmes. I have studied the pattern of screening too. A survey of the weekly T.V. programmes gave me the figures which I am going to quote below, showing the use of various languages in each network. The survey I made, Sir, was from the 3rd to the 10th of September, 1973.

The total minutes spent on Network I was 3,288 minutes and on Network II it was 1,572 minutes, making up a total of 4,860 minutes.

